

## SASTERA SEBAGAI WADAH INTELEKTUAL: SATU ANALISIS TEKS TERHADAP NOVEL SUTAN BAGINDA KARYA SHAHNON AHMAD

**Mohd. Zariat Abdul Rani**

### **Mukadimah**

*Sutan Baginda* (seterusnya SB) yang dicetak untuk terbitan pertamanya pada tahun 1989, merupakan novel hasil nukilan Shahnon Ahmad (seterusnya Shahnon) yang ke 13. Novel setebal 115 halaman ini kemudiannya diulang cetak sebanyak tiga kali (1989, 1991 & 1997), dengan rekaan kulit novel, kualiti kertas dan cetakan yang bermutu. Penampilan luaran ini dikukuhkan lagi dengan nama serta reputasi penerbitnya, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur (seterusnya DBP) yang sedia terkenal sebagai badan penerbitan yang berwibawa khususnya dalam bidang bahasa dan kesusasteraan Melayu. Dapat dikatakan bahawa penampilan yang sedemikian banyak dimungkinkan oleh nama dan kedudukan Shahnon, yang pada ketika SB diterbitkan telah sedia dikenali sebagai seorang penulis yang prolifik dan memenangi beberapa anugerah sastera, termasuklah Anugerah Sastera Negara pada tahun 1982 (anugerah sastera tertinggi di Malaysia) yang menyandangkan ke bahu Shahnon gelaran berprestij "Sasterawan Negara". Dengan nama dan kedudukan yang sedemikian, tidak hairanlah jika kehadiran SB di persada kesusasteraan Melayu dengan mudah menarik perhatian yang luas serta berterusan dalam kalangan khalayak dan pengkaji sastera, dan dianggap sebagai antara "novel penting" Shahnon.<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> "Novel penting" di sini merujuk kepada resepsi kritis yang luas terhadap *Sutan Baginda* (SB). Sebalik sahaja diterbitkan pada tahun 1989, dan sehingga beberapa tahun selepasnya, SB mendapat ulasan dan kritikan yang berterusan. Antaranya Kassim Ahmad,

Sesungguhnya, latar belakang di atas penting untuk diketahui dalam usaha menentukan kerangka yang sesuai dan dapat berlaku adil dalam menilai *SB*. Sesuai dengan kedudukannya yang dianggap sebagai antara “novel penting” Shahnon, makalah ini berpendapat bahawa adalah munasabah jika *SB* dinilai berasaskan satu kerangka pengukuran karya sastera yang “serius” (dalam erti kata: sistematik dan ketat). Sehubungan itu, dalam soal menentukan kerangka analisis yang sesuai, perbincangan ini tidak dapat mengkesampingkan Kata Pengantar *SB* yang ditulis oleh Shahnon sendiri bertajuk “Penekanan dan Penyeksaan Sebagai Sumber Ilham: Pengantar Diri untuk *Sutan Baginda*”.<sup>2</sup> Kata Pengantar ini, antaranya membangkitkan soal ilham yang diperolehi oleh Shahnon untuk menulis *SB*. Menurut Shahnon, ilham menulis *SB* tercetus daripada apa yang diistilahkan oleh beliau sebagai “penekanan” dan “penyeksaan”.

Berdasarkan kepada huraian, contoh serta istilah-istilah yang diguna pakai, dapat dikatakan bahawa apa yang dimaksudkan Shahnon pada kedua-dua istilah tersebut rata-rata merujuk kepada “konflik”, dan ini ketara apabila Shahnon membangkitkan soal kompleksiti fenomena yang menimbulkan pergolakan, krisis dan pertentangan yang rumit.<sup>3</sup> Dalam konteks ini, penting untuk difahami bahawa “konflik” yang dimaksudkan Shahnon bukan merujuk kepada pergolakan fizikal, sebaliknya bersifat intelektual kerana ia melibatkan soal pertembungan/pertentangan idea dan pemikiran, kesan daripada pengamatan beliau terhadap sesuatu fenomena. Shahnon menjelaskan bahawa pertembungan/pertentangan idea dan pemikiran ini menuntut kepada pengamatan serta penakulan beliau yang tajam dan sensitif, yang kemudiannya dicerna dan disalurkan dalam bentuk bahasa dan tulisan. Shahnon turut menjelaskan bahawa “konflik” yang bersifat intelektual inilah yang menimbulkan “penekanan” dan

<sup>2</sup> “Satira Politik Shahnon”, *Dewan Sastera*, April 1990, hlm. 87-88; Zulkefle Dollah, “*Sutan Baginda* Menepati Teori Sastera Islam”, *Dewan Sastera*, Ogos, 1991, hlm. 89-91, Ooi Eng Lye, *Novel-novel Terpilih Shahnon Ahmad: Satu Kajian Pendekatan Gender*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.

<sup>3</sup> Sila rujuk Shahnon Ahmad., *Sutan Baginda*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997 hlm. v-viii.

<sup>3</sup> Ibid

“penyeksaan” (kedua-duanya merupakan istilah Shahnon) terhadap intelektualnya, sehingga mencetuskan ilham untuk menulis *SB*, sebagaimana yang ditulisnya sendiri dalam petikan yang dikutip di bawah:

Penekanan yang tercetus daripada keadaan persekitaran atau iklim masa kini...inilah yang seringnya menggoda rasa dan **fikiran** yang sensitif. Ia bergerak spontan dan langsung tanpa balutan atau siratan. Ia cepat menggelisahkan **daya persepsi yang tajam**, seperti kilat yang menggonggong **daya sensitiviti** sehingga bersepuluh daya kreativiti dengan daya imaginasi dan **daya akal** sehingga terus menari-narilah pena untuk membuaikan karya.<sup>4</sup> [Penekanan ditambah untuk memperlihatkan aspek-aspek intelektual yang dibangkitkan Shahnon.]

Adalah jelas pada petikan di atas (terutamanya pada perkataan dan frasa yang bertanda hitam-tebal) bahawa apa yang dimaksudkan oleh Shahnon dengan “penekanan” dan “penyeksaan” merupakan “konflik” yang intelektual sifatnya. Dan, didorong oleh “konflik intelektual” ini, Shahnon mengaku telah menganalisis dunia politik kontemporari yang pada pandangan beliau telah tersasar jauh daripada nilai-nilai Islam dan sejagat. Menurut Shahnon, pengamatan beliau terhadap kebobrokan dunia politik hari ini telah meransang daya pemikirannya, dan seterusnya menimbulkan “konflik intelektual” yang memaksa Shahnon untuk memikir dan merungkaikan secara kritis tentang fenomena tersebut dan ditulis dalam novel *SB*, sebagaimana yang dijelaskan beliau: “Iklim yang menekan dan menindas hati-jiwa sehingga tergelodak daya persepsi, menggelisahkan sensitiviti dan terus menggalakkan daya kreratif. Dan akhirnya di subuh yang bening dalam cuaca yang basah lahirlah novel pendek *Sutan Baginda*.<sup>5</sup>

Kata Pengantar Shahnon seperti yang dibincangkan di atas, membangkitkan satu perkara yang penting untuk diberikan penelitian selanjutnya, iaitu pengakuan Shahnon sendiri

<sup>4</sup> Ibid., hlm. vi.

<sup>5</sup> Ibid., hlm. vii

bahawa penulisan *SB* tercetus daripada "konflik intelektual". Pengakuan ini, sesungguhnya memberikan implikasi yang besar, terutamanya jangkaan dan harapan pembaca terhadap novel ini. Kata Pengantar tersebut dengan mudah menimbulkan jangkaan/harapan bahawa: *SB* bakal menyajikan satu analisis dan tafsiran yang intelektual sifatnya tentang politik kontemporari. Dengan jangkaan/harapan tersebut, makalah ini memilih gagasan Persuratan Baru (seterusnya PB) hasil janaan Mohd. Affandi Hassan (seterusnya Affandi) sebagai satu kerangka analisis, guna menilai peranan dan keupayaan *SB* sebagai wadah intelektual. Pilihan ini juga mengambil kira keutamaan PB terhadap aspek intelektual (iaitu aspek yang turut dibangkitkan Shahnون dalam kata pengantar *SB*) dalam penghasilan dan penghayatan karya sastera, seperti yang akan dibincangkan lebih lanjut nanti.

### "Ilmu-Cerita": Idea Pokok Kerangka Persuratan Baru

Sejajar dengan kedudukannya sebagai satu kerangka, bahagian ini akan membincangkan idea-idea PB yang relevan dan akan diguna pakai sepanjang analisis ini. Penting untuk dijelaskan bahawa PB merupakan satu gagasan "sastera" yang kompleks dan pada hakikatnya menuntut satu perbincangan yang tersendiri dan komprehensif. Atas kesedaran ini, selain keakuran terhadap soal keterbatasan ruang dan kepentingan memelihara fokus perbincangan, makalah ini akan berusaha sedaya mungkin untuk menjelaskan secara ringkas tetapi mencukupi beberapa perkara idea pokok PB, dan huraian serta keterangan lanjut mengenainya boleh dirujuk sama ada dalam nota kaki, atau tulisan-tulisan lain yang sumber rujukannya akan disediakan.<sup>6</sup>

Seterusnya, perbincangan ini akan dilakukan kepada dua tahap, iaitu tahap falsafah dan tahap operasional. Kedua-dua tahap ini saling terikat, dalam erti kata: falsafah PB menjadi

<sup>6</sup> Perbincangan khusus tentang gagasan Persuratan Baru (PB) telah banyak dilakukan sama ada oleh penjananya mahupun sarjana/penyelidik sastera. Untuk memahami PB secara komprehensif, sila rujuk tulisan-tulisan Mohd. Affandi Hassan yang berikut:- *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), *Medan-medan dalam Sistem Persuratan Melayu* (Kota Bharu: Penerbit Tiga Putri, 1994), "Pemikiran dan Pendekatan dalam Kesusastraan Melayu Moden", dlm. *Kesusasteraan*

dasar terhadap cara dan bentuk operasi/pelaksanaan. Pada tahap filosofikal, PB tertegak pada tiga falsafah utama yang saling bergabung dan bertautan (*coalesce*), iaitu "Hakikat Insan", "Hakikat Ilmu dan Amal", serta "Hakikat dan Fungsi Sastera".<sup>7</sup> Ketiga-tiga falsafah utama ini dikehalkan pada prinsip *Taklif* yang merujuk kepada hakikat keterikatan manusia dengan "janji azali" (*primordial covenant*) untuk beribadah kepada Pencipta mereka selama manusia hidup di muka bumi.<sup>8</sup> Sesungguhnya,

Melayu: Mitos dan Realiti (Esei/Kritikan Hadiah Sastera Malaysia 1988/1989 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), 1994), hlm. 68-122, "Persuratan Baru dan Cabaran Intelektual: Menilai Kembali Kegiatan Kreatif dan Kritikan", kertas kerja Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri, DBP, Kuala Lumpur, 6-8 Disember 1999, "Dari Danau Ke Taman: Sajak-sajak Muhammad Hj. Salleh dan Wan Mohd. Nor", kertas kerja Majlis Bicara Buku *Mutiara Taman Adabi* karya Prof. Dr. Wan Mohd. Nor Wan Daud dari ISTAC; Balai Seminar, DBP Wilayah Timur, Kota Bharu, 21 September 2003, "Unsur Jenaka dalam Novel *Kawin-Kawin*: Kegagalan Intelektual Seorang Sasterawan", kertas kerja Seminar Jenaka Melayu Nusantara, DBP & Universiti Malaya, 21-23 September 2003, "Birokrat Tulen: Satu Analisis Kreatif dari Sudut Persuratan Baru", dlm. Lampiran A, Tesis Kedoktoran Mohd. Zariat Abdul Rani, "Seksualiti dalam Novel Melayu: Satu Analisis Teks Berdasarkan Persuratan Baru" (2004), "Kesusasteraan Melayu di Persimpangan Jalan: Anti-Intelektualisme, Hasad, Pandirisme", kertas kerja Wacana Ilmiah Dunia Melayu dan Islam (DAMAI), Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 21 Disember 2004, "Keaiban Intelektual Para Sasterawan: Menghidupkan Kembali Persuratan Melayu", dlm. A. Aziz Deraman (pynt.) *Kumpulan Kertas kerja Kolokium Peradaban Melayu Kawasan Timur Laut Ke-3*, DBP Wilayah Timur, Kota Bharu, 23-24 Ogos 2005, hlm. 209-230, & "Hadiah dan Anugerah Sastera Sastera di Malaysia: Satu Penilaian Kritis", kertas kerja Seminar Impak Anugerah dan Hadiah Sastera Ke Atas Perkembangan Sastera Kebangsaan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 25 Mei 2006. Dalam perkembangan terkini, Persuratan Baru turut mendapat perhatian di peringkat antarabangsa apabila buku *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid* tersenarai sebagai antara tulisan penting tentang Islam dalam projek bertajuk *Muslim Civilisations Abstracts* yang oleh Institute for the Study of Muslim Civilisations, The Aga Khan University (International) in the United Kingdom. Untuk keterangan lanjut, sila layari laman web: <http://www.aku.edu/ISMIC/> & <http://www.aku.edu/ISMIC/abp-f.shtml>. Di Malaysia, 'Persuratan Baru' telah mendapat perhatian beberapa sarjana dan penyelidikan. Untuk mengikuti perbincangan mereka, sila rujuk Abdullah Tahir, "Novel-novel Mohd. Affandi Hassan: Meneliti Kemungkinan Penerapan Konsep Persuratan Baru Melayu". Kertas kerja Kongres Bahasa Melayu Sedunia, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Hotel Hilton, Kuala Lumpur, 21-25 Ogos 1995; Ungku Maimunah Mohd. Tahir, "Mohd. Affandi Hassan's Notion of Persuratan Baru (Genuine Literature): A Preliminary Exploration", dlm. *Readings in Modern Malay Literature* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), hlm. 242-256; Ungku Maimunah Mohd. Tahir, "Persuratan Baru oleh Mohd. Affandi Hassan: Satu Sambutan Awal", kertas kerja Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri, DBP, Kuala Lumpur, 6-8 Disember 1999; Mohd. Zariat Abdul Rani, "Sastera Berpaksikan Tauhid: Satu Penerokaan Terhadap Gagasan Persuratan Baru oleh Mohd. Affandi Hassan - Bahagian I", *Jurnal YADIM* (Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia), No. 7, 2005, hlm. 1-16, Mohd. Zariat Abdul Rani, "Sastera Berpaksikan Tauhid: Satu Penerokaan Terhadap Gagasan Persuratan Baru oleh Mohd. Affandi Hassan - Bahagian II", *Jurnal YADIM*, No. 8, 2006, hlm. 73-88, Mohd. Zariat Abdul Rani, "Sastera Berpaksikan Tauhid: Satu Penerokaan Terhadap Gagasan Persuratan Baru oleh Mohd. Affandi Hassan - Bahagian III", *Jurnal YADIM*, No. 9, 2007, hlm. 66-89, & Mohd. Zariat Abdul Rani, "Gagasan Persuratan Baru oleh Mohd. Affandi Hassan: Beberapa Pengamatan Umum", *Kumpulan Kertas kerja Kolokium Peradaban Melayu Timur Laut Ke-3*, Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur, Kota Bharu, 23-24 Ogos 2005.

<sup>7</sup> Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Mohd. Affandi Hassan, *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 15-29.

prinsip *Taklif* inilah yang menurut PB mengikat kegiatan sastera dengan tuntutan "janji azali", dan dengan itu menjadikan kegiatan sastera di sisi Islam sebagai salah satu bentuk pengabdian (*ibadah*) manusia kepada Pencipta mereka. Dengan kedudukannya sebagai satu *ibadah*, Islam menurut PB, menetapkan bahawa matlamat tunggal bagi kegiatan karang-mengarang (berasaskan *Qalam*, yakni tulis dan baca) ialah mengajar dan mengingatkan manusia tentang "ilmu yang benar" di sisi Islam.<sup>9</sup> Menurut PB, "ilmu yang benar" merujuk kepada "ilmu" yang dapat menjadikan manusia tahu dan kenal akan Pencipta mereka, dan dengan pengetahuan dan perkenalan tersebut mendorong manusia untuk melaksanakan kebaikan dan meninggalkan kejahanatan di sisi Islam (*amar ma'aruf nahi munkar*).<sup>10</sup>

Sehubungan itu, dan dalam konteks sejarah dan kebudayaan Melayu, adalah relevan untuk dijelaskan bahawa falsafah yang sedemikian (seperti dibincangkan di atas) telah menjadi asas

<sup>8</sup> Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas, ayat Al-Qur'an Surah Al-Araf, Ayat 172 menjelaskan tentang hakikat penciptaan manusia yang bertolak daripada pertanyaan Allah s.w.t. tentang kesediaan manusia untuk menyembah-Nya: *alastu birabbikum?* (bukankah aku ini Tuhanmu?). Pertanyaan Allah s.w.t. ini telah disambut dengan persetujuan roh manusia yang mengaku dan berjanji untuk menyembah Penciptanya: *bala shahid naa* (betul [Engkau Tuhan Kami], kami menjadi saksi). Untuk pemahaman lanjut, sila rujuk Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Islam and Secularism*, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Kuala Lumpur, 1978, hlm. 51-53. Untuk pemahaman lanjut tentang *taklif*, rujuk juga huraian Shah Wali Allah Al-Delhi, *Hujjah Allah Al-Baligha: The Conclusive Argument from God*, Terj. Marcia K. Hermansen, E.J. Brill, Leiden, 1996, hlm. 199 & 238. Pandangan Al-Attas dan huraian Al-Delhi telah dimanfaatkan oleh Mohd. Affandi dalam merangka falsafah persuratan yang berteraskan *Taklif*. Sila rujuk kupasan beliau dalam *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*, hlm. 15-29. Pandangan Al-Attas tentang hakikat perhubungan manusia dengan Allah s.w.t. telah saya bincangkan secara lebih khusus pada kesempatan lain. Sila rujuk Mohd. Zariat Abdul Rani, "Islam Sebagai *Al-Din*: Beberapa Pengamatan Terhadap Pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas", *AFKAR* (Jurnal Jabatan Aqidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), Bil. 4, 2003, hlm. 29-62.

<sup>9</sup> Pemahaman Mohd. Affandi tentang *Qalam* adalah berdasarkan Al-Qur'an Surah Al-Alaq, Ayat 4-5. Menurut Mohd. Affandi, ayat Al-Qur'an tersebut dengan jelas menetapkan bahawa kegiatan "tulis-baca" (*Qalam*) yang dilaksanakan manusia mesti berteraskan matlamat untuk menyampaikan "ilmu yang benar di sisi Islam". Untuk keterangan lanjut, sila rujuk *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*, hlm. 23. Hakikat bahawa pengertian *Qalam* memang merujuk kepada kegiatan karang-mengarang yang dilaksanakan untuk menyampaikan kebenaran di sisi Allah s.w.t., jelas terkandung dalam huraian Muhammad Asad dalam *The Message of the Quran*, Dar Al- Andalus, Gibraltar, 1980, hlm. 963.

<sup>10</sup> Menurut Wan Mohd. Nor Wan Daud, "ilmu yang benar" merujuk kepada "ilmu" yang dapat menjelaskan kepada manusia tentang "kebenaran"/*truth* (*al-haqq*), yang sekali gus memberikan "keyakinan"/*certainty* (*al-yaqin*) yang jitu tentang kebenaran tersebut, dan dengan itu menyingkirkan segala "kepalsuan"/*falsehood* (*al-bati*), selain menutup rapat semua pintu "keraguan"/*doubt* (*shakk*) dan "prasangka"/*conjecture* (*al-zann*). Untuk penjelasan lanjut, sila rujuk Wan Mohd. Nor Wan Daud, *The Concept of Knowledge in Islam and its Implications for Education in a Developing Country*, Mansell, London, 1989, hlm. 68; & *Penjelasan Budaya Ilmu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 42.

dalam tradisi persuratan Melayu, terutamanya pada abad ke 16 dan 17 Masihi. Falsafah dan pengertian "sastera" yang sedia difahami dan diguna pakai oleh para pengarang Melayu pada ketika itu (tradisi persuratan Melayu) merujuk kepada: hasil-hasil karangan yang mengungkapkan ilmu pengetahuan ("ilmu yang benar" di sisi Islam) dengan bahasa yang indah. Akan tetapi, falsafah dan pengertian "sastera" ini kemudiannya terputus,<sup>11</sup> akibat penjajahan Barat di Alam Melayu<sup>12</sup> yang berhasil dalam mengubah (lebih tepat "menyempitkan") falsafah/pengertian "sastera" Melayu pada masa kini,<sup>13</sup> dengan menjadikannya sebagai satu kegiatan penulisan karya-karya fiksyen yang berdasarkan imaginasi semata-mata. Dengan latar sejarah dan konteks semasa yang sedemikian,<sup>14</sup> PB hadir dalam kegiatan sastera Melayu hari ini dengan azam untuk menghidupkan semula tradisi persuratan Islam (dengan

<sup>11</sup> Soal "terputusnya" tradisi persuratan dalam kegiatan kesusasteraan Melayu hari ini merupakan antara komen yang dibangkitkan secara peribadi oleh Presiden Persatuan Kesusasteraan Bandingan Malaysia (PKBM) Dato' Dr. Ahmad Kamal Abdullah terhadap kertas kerja yang saya tulis untuk Seminar Kesusasteraan Bandingan, anjuran PKBM yang telah berlangsung pada 6 - 7 Jun 2007. Oleh kerana perkara tersebut sangat fundamental sifatnya, dan bertolak-ansur mengenainya akan hanya menjelaskan prinsip hujah secara keseluruhan, saya kemudiannya mengambil keputusan untuk menarik diri daripada membentangkan kertas kerja di seminar tersebut. Untuk membaca versi asal kertas kerja tersebut, sila rujuk Mohd. Zariat Abdul Rani, "Kesusasteraan Melayu sebagai Kesusasteraan Agung Dunia: Satu Pengamatan Terhadap Ma'na 'Kemajuan' Sastera Melayu", Bahan Tidak Terbit, Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia, Serdang, 24 Mei 2007, No. Ruj. PL5130 M697. Kertas kerja ini, kemudiannya saya terbitkan dengan judul "Ke Mana Hala Tuju Sastera Melayu?", dlm. *PEMIKIR*, Bil.50 (Okttober-Disember), 2007, hlm. 1-30 (RALAT: ketidaan nombor urutan pada nota kaki dan sumber rujukan adalah daripada editor). Dalam versi ini, saya antaranya membangkitkan idea "pusat" (centre) dan "autoriti" (authority) guna menjelaskan secara lebih terperinci tentang maksud "terputusnya" tradisi persuratan Melayu dalam kegiatan kesusasteraan Melayu hari ini, dan sekali gus menjawab komen mengenainya.

<sup>12</sup> Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas, penjajahan Barat di Alam Melayu meskipun pada awalnya bermotif kepentingan ekonomi, namun kemudiannya turut memberikan implikasi yang besar terhadap pandangan alam orang Melayu. Dalam hal ini, Al-Attas berpendapat bahawa pelaksanaan dasar-dasar "deislamization" telah berhasil dalam menjarakkan orang Melayu daripada tradisi dan pandangan alam Islam. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Islam and Secularism*, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Kuala Lumpur, 1978, hlm. 98.

<sup>13</sup> Konsep "sastera moden" yang diperkenalkan Barat kepada sastera Melayu adalah berteraskan falsafah dan pandangan hidup Barat yang bersifat "sekular" (memisahkan agama daripada hal ehwal dunia). Falsafah dan pandangan hidup sedemikian terbentuk hasil daripada sejarah dan pengalaman kebudayaan moden Barat yang bertolak daripada keraguan mereka terhadap agama dan institusi keagamaan, kerana dianggap telah memundurkan mereka. Berteraskan falsafah dan pandangan hidup sekular, "sastera" menjadi satu kegiatan yang terlepas daripada hal keagamaan dan kerohanian. Untuk pemahaman lanjut, antaranya sila rujuk Pitirim A Sorokin, *The Crisis of Our Age: The Social and Cultural Outlook*, E.P. Dutton, New York, 1941. Soal sekularisasi dalam kesusasteraan Melayu juga telah saya tangani pada kesempatan lain, sila rujuk Mohd. Zariat Abdul Rani, "Kehadiran Barat dan Kesannya Terhadap Kesusasteraan Melayu", *Jurnal Pengajian Melayu* (Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya), Vol. 17, 2006, hlm. 330-361.

falsafah/pengertian “sastera” seperti dibincangkan di atas) yang dianggap “tulen” (*haqiqi/genuine*) bagi kesusasteraan Melayu.<sup>15</sup> Berbekalkan keazaman ini, PB menyeru supaya sastera Melayu pada masa kini mempertimbangkan secara serius usaha untuk menghidupkan semula “**medan persuratan**” yang akan mengiatkan semula aktiviti mengarang karya-karya ilmu, dan hidupnya medan tersebut sekali gus akan membebaskan sastera Melayu hari ini daripada terus terbelenggu dalam “medan cerita” yang hanya menggalakkan kelahiran karya-karya fiksyen. PB berpendapat bahawa keterbatasan dunia sastera Melayu (masa kini) yang lebih berlegar sekitar “medan cerita” telah membekukan makna dan fungsi, kerana hanya menjadikan karya-karya sastera sebagai alat luahan perasaan dan sajian cerita-cerita yang menghiburkan. Perkara ini, menurut PB amat merugikan, kerana sejarah kebudayaan telah membuktikan bahawa makna dan fungsi “sastera” yang tulen (sebagaimana yang sedia difahami/dipraktikan oleh para pengarang Melayu pada zaman Islam) tidak hanya terbatas pada cerita-cerita khayalan.<sup>16</sup> Justeru, dengan kembali hidup dan berkembangnya “medan persuratan” nanti, dunia sastera Melayu pada hari ini dan masa akan datang dapat menantikan kehadiran lebih banyak karya-karya ilmu yang berupaya menjentik intelek dan menerangi hati nurani pembaca.<sup>17</sup>

<sup>14</sup> Untuk memahami kesignifikanan Islam dalam kesusasteraan Melayu, sila rujuk Syarahan Pengukuhan Lantikan Ke Kerusi Profesor Syed Muhammad Naquib Al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1972. Perbincangan khusus mengenainya juga telah saya lakukan pada kesempatan lain. Sila rujuk Mohd. Zariat Abdul Rani, “Islam in the History of Malay Literature: A Preliminary Discussion”, *Malay Literature* (Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur), Vol. 20 (No. 1), 2007, hlm. 34-52; & Mohd. Zariat Abdul Rani, “Kesignifikanan Islam dalam Kesusasteraan Melayu”, *MANU* (Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah), No. 9, 2004, hlm. 111-126.

<sup>15</sup> Perkataan ‘baru’ pada nama gagasan tersebut TIDAK membawa maksud pengenalan satu konsep sastera yang baru (*new*), sebaliknya merujuk kepada usaha untuk ‘memperbaharui’ pengertian sastera Melayu masa kini dengan menghidupkan semula falsafah dan orientasi sastera Melayu yang ‘asli’, iaitu tradisi persuratan Melayu yang lahir daripada pandangan alam Islam. Dengan pengertian yang sedemikian, terjemahan bahasa Inggeris yang lebih tepat mencerminkan falsafah dan aspirasi ‘Persuratan Baru’ ialah *Genuine Literature*, dan bukannya *New Literature*.

<sup>16</sup> Untuk memahami tingkat-tingkat pengertian dan fungsi sastera dalam kesusasteraan Melayu tradisional, sila rujuk sistem kesusasteraan Melayu tradisional susunan V.I. Braginsky. Adalah jelas daripada pengamatan Braginsky bahawa orang Melayu pada zaman Islam tidak membataskan makna dan fungsi sastera mereka hanya untuk menyampaikan cerita (Sfera Keindahan), sebaliknya memanfaatkan sastera untuk menjana akal (Sfera Faedah), dan mengenal Allah s.w.t. (Sfera Kesempurnaan Rohani). Untuk keterangan lanjut, sila rujuk V. I. Braginsky, *The System of Classical Malay Literature*, KITLV, Leiden, 1993.

Seterusnya, dalam usaha menghidupkan falsafah “sastera” (lebih tepat “persuratan”), PB mengutarakan beberapa idea dan konsep yang berlegar pada tahap operasional. Antara yang penting dan akan diguna pakai dalam analisis ini ialah idea PB tentang ‘ilmu-cerita’, yang beroperasi dengan memberikan keutamaan terhadap ilmu (*primacy of knowledge*), dan meletakkan cerita pada kedudukan cerita yang subordinat kepada ilmu (*subordination of narrative to knowledge*). Di bawah idea ini, penulisan sesebuah karya bertolak daripada tujuan untuk membangunkan sesuatu “idea” (bukan ilham bercerita) atau “pemikiran intelektual” (bukan “pemikiran” berasaskan tema cerita) secara mendalam, konsisten dan bertanggungjawab. Sifat dan tuntutan intelektual ini menjadikan *style* (bukan hanya bermaksud “stail” yang lazimnya difahami sebagai gaya bahasa/stail penceritaan) penulisan ilmiah sebagai relevan, kerana dapat dipertanggungjawabkan untuk mengungkap serta membahaskan idea/pemikiran intelektual (perkara-perkara ini dijelaskan oleh Affandi dalam konsep “pemilihan berasaskan ilmu” / *style as an epistemic choice*). Justeru, praktik-praktik yang biasa diguna pakai dalam penulisan ilmiah seperti pengutaraan dan penghuraian idea, penganalisan, pencernaan dan pentafsiran contoh/fakta serta pembinaan dan pengukuhan hujah, bukan sesuatu yang dianggap asing atau janggal, dan justeru melemahkan sesebuah karya. Malah, di bawah idea ini (disebut juga oleh Affandi sebagai “siratan makna” atau *stylization of ideas*) kekuatan sesebuah karya diukur berdasarkan keupayaan penulisnya menganalisis sesuatu idea/pemikiran intelektual secara substantif. Adalah jelas bahawa praktik penulisan seumpama ini menuntut persiapan yang rapi dan berwibawa di pihak penulis, dengan pemahaman serta penguasaan ilmu serta pengetahuan mendalam, yang dijana dengan daya fikir yang kritis dan sistematis.

Sehubungan itu, satu perkara yang turut penting diberikan perhatian ialah pengertian dan fungsi “kreativiti” dalam penulisan karya kreatif. Dalam konsep dan praktik sastera

<sup>17</sup> Perkara ini telah saya bangkitkan juga pada kesempatan lain. Sila rujuk Mohd. Zariat Abdul Rani, “Mahakarya Abad Ke-21: Merenung Kembali Kesusastraan Melayu Sepanjang Abad Ke-20”, dlm. Mohamad Saleeh Rahamad et al, *Persuratan dan Peradaban Nasional*. Hlm. 111-148, Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA).

moden, "kreativiti" biasanya merujuk kepada kebolehan penulis mempamerkan cerita yang menarik melalui teknik penceritaan yang baru dan di luar kebiasaan. Malah, seringkali dalam praktik sastera moden, soal "kreativiti" dikaitkan dengan "kelainan" dan "keganjilan" yang diperagakan dalam sesbuah karya.<sup>18</sup> Akan tetapi, dalam konteks PB, "kreativiti" diukur berdasarkan keupayaan penulis menjana dan membangunkan sesuatu idea/pemikirannya melalui *style* penulisan yang sesuai dan dapat berlaku adil terhadap idea/pemikiran tersebut. Dalam konteks ini, kehadiran "cerita" (*narrative*) dan pengembangan alat-alat penceritaan (*narrative devices*) hanya berperanan seperti "kenderaan" (*vehicle*) yang muatannya adalah idea/pemikiran intelektual. Ini bererti, pengisian sesbuah karya kreatif (menurut kerangka PB) didominasi oleh ilmu/idea/pemikiran, dan bukannya cerita serta pengembangan alat-alat penceritaan (*narrative devices*).<sup>19</sup> Ini berbeza dengan praktik yang lumrah diguna pakai dalam sastera moden yang menjadikan cerita serta pengembangan alat-alat penceritaan sebagai satu-satunya isian atau isian yang dominan.<sup>20</sup>

Dalam praktik seumpama ini, "konflik" dan "watak" menjadi antara alat-alat penceritaan yang dimanipulasi bagi menggerak dan mengekalkan penggerakkan cerita ke hadapan, dan sekali gus menambah jumlah halaman. Ini lazimnya dilakukan dengan mengujudkan pertentangan/"konflik" antara dua watak yang saling bertentangan, atau boleh juga "konflik" yang berlegar hanya pada satu watak. Perkara yang penting untuk difahami di sini ialah "konflik" yang seumpama ini pada

<sup>18</sup> Sila ikuti perbincangan Hizairi Othman tentang "maksud kreativiti" dalam pemahaman dan praktik sastera moden dlm. Hizairi Othman, *Kreativiti dalam Penciptaan Karya Sastera*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2000, hlm. 11-16. Adalah menarik, umpamanya apabila buku ini mengutip pandangan umum tentang "kreativiti", iaitu: *bringing into being something that was not there before*.

<sup>19</sup> Sila rujuk konsep "dominance/priority" yang dijelaskan oleh Ungku Maimunah Mohd. Tahir, dlm. "Lorong Midaq oleh Naquib Mahfouz; Satu Penilaian Menurut Gagasan "Persuratan Baru" janaan Mohd. Affandi Hassan", kertas kerja yang dibentangkan di Majlis "Diskusi Buku", anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, di Menara DBP, Kuala Lumpur, pada 26 April 2003.

<sup>20</sup> Tesis kedoktoran saya yang menganalisis 20 buah novel Melayu telah menemui kesimpulan ini. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Mohd. Zariat Abdul Rani, Seksualiti dalam Novel Melayu: Satu Analisis Teks Berdasarkan Persuratan Baru, Tesis Kedoktoran, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.

hakikatnya hanya berlegar pada tahap cerita, dan ini dapat dibuktikan apabila “konflik” yang mencetuskan pergelutan inilah yang menggerakkan cerita ke hadapan, dan seterusnya mengekalkan perjalanan cerita yang menuju ke arah peleraian konflik tersebut. Dan dalam praktik yang lumrah, pembikinan sesebuah cerita lazimnya dihiasi (*embellished*) dengan unsur-unsur seperti suspen, dramatik serta deskripsi latar yang detail serta aksi yang eksplisit, termasuklah unsur-unsur seks dan erotik yang kesemuanya menjadi bumbu yang menghidupkan dan menyedapkan penyajian sesebuah cerita.<sup>21</sup> Apa yang penting untuk difahami ialah bagaimana idea (“ilmu-cerita”) ini telah membataskan peranan cerita dan penggembangan alat-alat penceritaan yang lazimnya diberikan keutamaan dalam penulisan karya kreatif. Menurut kerangka PB, kehadiran cerita dan penggembangan alat-alat penceritaan hanya relevan dan **bergantung pada** (*subordinate to*) fungsinya untuk membangunkan idea/pemikiran intelektual, seperti yang diakui oleh Affandi:

Novel [mengikut kerangka PB] tidak lagi bercerita, tetapi untuk menyatakan gagasan dan pemikiran... Saya tidak berminat untuk hanya bercerita, kerana dalam kajian saya, Al-Quran tidak pernah bercerita sekadar bercerita. Cerita digunakan untuk menyatakan sesuatu gagasan atau pemikiran, untuk memberi peringatan atau amaran.<sup>22</sup>

Dengan falsafah dan idea-idea operasional PB yang telah dibincangkan di atas, makalah ini seterusnya akan menganalisis

<sup>21</sup> Dalam huraianya tentang “seni/sastera moden” (disebut sebagai “the sensate art”), Pitirim A. Sorokin (1941: 32-33) menjelaskan: “[Modern] art lives and moves entirely in the empirical world of the senses... Its aim is to afford a redefined sensual enjoyment: relaxation, excitation of tired nerves, amusement, pleasure, entertainment. For this reason it must be sensational, passionate, pathetic, sensual, and incessantly new. It is marked by voluptuous nudity and concupiscence ... Since it must amuse and entertain, it makes wide use of caricature, comedy, farce, debunking, ridiculing and similar means (Tanda hitam-tebal ditambah). Sila rujuk Pitirim A. Sorokin, *The Crisis of Our Age*, E.P. Dutton & Co. Inc., New York, 1941.

<sup>22</sup> Sila rujuk Mohd. Affandi Hassan, “Mengapa Saya Menulis *Aligupit*”, dlm. *Dewan masyarakat* September 1994, hlm.11-12. Selain novel *Aligupit* (1993), Mohd. Affandi juga telah menghasilkan novel *Pujangga Melayu* (1997) yang kedua-duanya dapat dianggap sebagai “terjemahan konkrit” terhadap falsafah dan idea operasional yang digagaskannya Persuratan Baru. Dalam konteks inilah, kehadiran kedua-dua novel ini dilihat signifikan kerana ia sekali gus menolak dakwaan bahawa idea-idea PB bersifat idealistik dan mustahil untuk diterjemah/direalisasikan secara konkret.

novel *SB* yang diakui Shahnon tercetus daripada ilham beliau yang bersifat intelektual.

### **Analisis *Sutan Baginda* Berdasarkan Kerangka Persuratan Baru**

Secara umumnya, *SB* menyajikan kisah tentang strategi seorang ahli politik muda bernama Sutan Baginda (seterusnya Sutan) dalam mencapai cita-cita politiknya. Sutan yang diceritakan sedang memegang jawatan Timbalan Presiden PARAYU (parti politik yang dianggotainya), bercita-cita untuk menjadi Presiden parti tersebut. Dalam mencapai cita-cita ini, Sutan menyusun strategi-strategi untuk menumpaskan musuh politiknya. Dalam mengikuti dan menghayati kisah ini, satu perkara yang lekas menarik perhatian ialah teknik penceritaan *SB*, yang meskipun sebahagian besarnya menggunakan sudut pandangan orang pertama, tetapi bukan daripada sudut pandangan protagonisnya, Sutan. Sebaliknya, novel sebahagian besarnya (iaitu pada tiga bab awal) menggunakan sudut pandangan tiga watak wanita, iaitu Uji, Dahlia dan Fidah yang juga bertindak sebagai "pencerita" (*narrator*). Sebagai "pencerita", ketiga-tiga watak wanita ini diperuntukkan satu bab khusus yang memberikan ruang yang amat mencukupi untuk menyalurkan input-input tentang cita-cita politik protagonis. Dalam memikul peranan ini, novel memilih untuk mengikat ketiga-tiga watak wanita tersebut dengan ikatan perhubungan mereka dengan Sutan (protagonis), sama ada sebagai isteri (Uji dan Dahlia) atau perempuan simpanan (Fidah).

Dengan ikatan ini, ketiga-tiga watak wanita dalam *SB*, walaupun tidak pernah dipertembungkan dalam cerita, namun berkongsi modal yang sama untuk disajikan kepada pembaca, iaitu kisah kehidupan mereka dengan protagonis novel. Untuk itu, bab-bab yang judulnya diberikan sempena nama setiap watak wanita tersebut, diisi dan dipenuhi dengan imbasan pengalaman mereka ketika mula berkenalan dan berkahwin/berhubungan dengan Sutan, peranan mereka dalam menjayakan strategi politik Sutan, termasuklah juga perihal hubungan intim/ranjang mereka sepanjang menjadi isteri/

perempuan simpanan Sutan. Hal yang terakhir ini dilihat tidak kurang signifikannya dalam aspek pembikinan cerita secara keseluruhannya, terutamanya dalam menyerlahkan prioriti Shahnon ketika menulis *SB*, seperti yang akan dibahaskan lebih lanjut nanti. Pada tahap ini, memadai jika dikatakan bahawa pemilihan dan penggembangan tiga watak wanita dengan fungsi mereka sebagai “pencerita” yang mempunyai hubungan langsung dengan protagonis, bukan dilakukan secara sembrono, sebaliknya merupakan satu strategi yang didapati menguntungkan aspek persembahan cerita secara keseluruhan.

Akan tetapi, perlu dijelaskan bahawa perkembangan cerita *SB* secara keseluruhannya BUKAN bertolak daripada pengelutan/ konflik antara protagonis dengan watak-watak wanita tersebut. Hal ini, umpamanya ketara apabila dalam konteks perhubungan Sutan dengan Uji, Dahlia dan Fidah, tidak hadir sebarang konflik (sama ada antara protagonis dengan watak-watak wanita, ataupun sesama watak wanita) yang dapat memungkinkan cerita tentang perhubungan Sutan dan watak-watak wanita tersebut digerak dan dilanjut-lanjutkan. Ini berkait rapat dengan strategi novel yang menghadirkan Uji, Dahlia dan Fidah sebagai watak wanita yang bekerjasama, patuh serta menurut perintah, dan ciri-ciri perwatakan sedemikian hanya memungkinkan mereka hadir sebagai penyokong setia Sutan (dan bukannya penentang). Dengan kehadiran watak-watak wanita yang sedemikian, adalah mustahil untuk novel menghadirkan sebarang konflik antara mereka dengan protagonis. Soal ketiadaan konflik antara protagonis dengan watak-watak wanita tersebut, umpamanya lebih jelas apabila novel kemudiannya dengan mudah memendamkan (*suppressed*) peranan Uji, Dahlia dan Fidah dalam perkembangan cerita yang selanjutnya (selepas bab yang diperuntukkan untuk mereka), dan pemendaman ini ternyata tidak sedikit pun merencat atau mencacatkan perkembangan cerita selanjutnya. Perkara ini, dengan sendirinya menjelaskan bahawa soal hubungan cinta, hubungan jantina, poligami atau persoalan-persoalan yang seumpamanya yang lazimnya boleh tercetus hasil pengelutan antara watak yang berlainan jantina, BUKAN merupakan persoalan pokok yang menarik perhatian Shahnon, melainkan

persoalan politik, sebagaimana yang sedia diakuinya sendiri dalam Kata Pengantar novel.

Lanjutan itu, analisis ini mendapati bahawa dalam usaha meneroka persoalan politik, novel menghadirkan dua “konflik” yang saling bertautan, dan digembleng secara seiringan, iaitu: i) konflik diri Sutan yang bergelut dengan perjuangan untuk mencapai cita-cita politiknya, dan ii) konflik antara Sutan dan musuh politiknya, Nirwan. Analisis ini mendapati bahawa untuk menggembangkan kedua-dua “konflik” tersebut, watak Uji, Dahlia dan Fidah hadir dan dimanipulasi dalam cerita dengan sebaik-baiknya. Ini, umpamanya jelas apabila dalam penggembangan konflik yang pertama, novel membangkitkan tentang strategi protagonis yang berusaha untuk menampilkan imej luarannya sebagai pemimpin yang berkarsma dan disegani. Untuk memperhebatkan konflik ini, Uji dihadirkan dalam cerita sebagai seorang Ustazah yang membantu Sutan dalam menampilkan imejnya sebagai seorang pemimpin yang berimejkan Islam, manakala Dahlia pula sebagai sarjana dalam bidang teori politik yang menasihati Sutan dalam menyusun strategi-strategi politiknya. Begitu juga Fidah yang hadir sebagai penyanyi rock yang tidak bermoral dan dijadikan Sutan sebagai umpan untuk menjatuhkan musuh politiknya, Nirwan. Adalah jelas bahawa kehadiran ketiga-tiga watak wanita tersebut (yang meskipun dijadikan sebagai “pencerita”) pada hakikatnya hanya berperanan sebagai watak yang hanya membantu memperhebatkan, dan seterusnya meleraikan konflik diri yang dihadapi protagonis.

Sehubungan itu, watak antagonis dalam *SB* hanya hadir dan digembleng ketika novel menimbulkan konflik yang kedua, iaitu konflik Sutan dengan Nirwan. Ini jelas apabila cerita menghadirkan Nirwan sebagai antagonis yang menjadi penghalang kepada cita-cita politik Sutan. Untuk itu, Nirwan dihadirkan dengan peranannya sebagai Presiden Parti PARAYU, selain tampil dengan ciri-ciri perwatakan “kuku besi”, sebagaimana yang jelas pada tindakannya menyingkirkan beberapa Timbalan Presiden PARAYU (sebelum Sutan) yang mengancam kedudukannya. Kedudukan dan perwatakananya yang sedemikian sudah cukup untuk meletakkan Nirwan sebagai ancaman paling besar yang boleh menggagalkan cita-

cita politik Sutan. Justeru, kehadiran dan penggembelengan konflik yang kedua ini berlegar sekitar strategi Sutan untuk menjatuhkan Nirwan bagi membolehkannya menduduki kerusi Presiden parti. Dalam konteks konflik pergelutan antara protagonis dan antagonis (Sutan vs Nirwan) inilah, novel bergerak dan berkembang dengan cerita demi cerita tentang keluh kesah Sutan dalam menumpaskan Nirwan. Dan sekali lagi, dan sama seperti penggembelangan konflik pertama, watak Uji, Dahlia dan Fidah memainkan peranan yang signifikan dalam mencetus dan menyemarakkan konflik antara Sutan dan Nirwan. Ini kerana watak Nirwan (meskipun dengan peranannya sebagai antagonis) tidak dihadirkan secara fizikal dalam dunia fiktif novel, sebaliknya hadir dan dihidupkan melalui cerita-cerita Uji, Dahlia dan Fidah.

Adalah jelas pada analisis ini bahawa ketiga-tiga watak wanita tersebut memainkan peranan masing-masing dalam membangkit, menggerak dan mengembangkan cerita tentang Nirwan. Watak Uji, umpamanya berperanan dalam memperkenal dan memperjelaskan persoalan tentang siapa Nirwan, Dahlia pula menimbulkan soal persaingan antara Nirwan dan Sutan, manakala Fidah pula terlibat secara langsung dalam konspirasi untuk menjatuhkan Nirwan. Meskipun tidak dihadirkan secara fizikal, namun kehadiran watak Nirwan dengan peranannya sebagai antagonis, hidup dan dapat dirasai. Kesan ini, dengan sendirinya menjelaskan keupayaan Shahnon menggembeleng watak-watak secara berkesan, dan sekali gus dapat menggerak dan mengekalkan pergerakan cerita, seiring dengan konflik yang tercetus antara Sutan dan Nirwan.

Sehubungan itu, analisis ini ingin menarik semula perhatian terhadap kenyataan awal tentang pemilihan wanita (Uji, Dahlia dan Fidah) sebagai watak yang menampung konflik-konflik yang digembeleng dalam *SB*. Dan seperti yang telah dinyatakan juga, pemilihan watak-watak wanita untuk tujuan tersebut bukan sembrono, melainkan mengambil kira kelebihan-kelebihan yang "menguntungkan" aspek pembikinan cerita. Ini merujuk kepada peranan watak-watak wanita tersebut dalam memungkinkan kehadiran dan berkembangnya unsur-unsur seks dan erotik dalam novel. Adalah sesuatu yang signifikan apabila Shahnon dalam usahanya menghadir, menggembeleng

dan merungkaikan konflik, menghadirkan Uji, Dahlia dan Fidah dengan kedudukan mereka sebagai isteri/wanita simpanan kepada Sutan. Adalah jelas pada pengamatan bahawa hubungan watak-watak wanita dengan protagonis yang sedemikian, tidak sedikitpun menarik perhatian novel terhadap kemungkinan untuk meneroka secara lebih serius persoalan atau konflik kejantinaan seperti persoalan poligami, institusi perkahwinan dan kekeluargaan di sisi Islam. Apa yang jelas, kehadiran Uji, Dahlia dan Fidah dengan kedudukannya yang sedemikian (sebagai isteri/wanita simpanan) hanya menarik perhatian novel untuk mengisi dunia fiktif novel dengan babak-babak seks dan erotik yang melibatkan Sutan dengan watak-watak wanita tersebut. Malah, turut jelas pada pengamatan bahawa babak-babak seks dan erotik tersebut tidak mempunyai kaitan yang kukuh, dan memberikan sumbangsan yang bermakna terhadap persoalan politik kontemporari yang didakwa Shahnon merupakan motif utama penulisan SB.

Meskipun cerita menjadikan seks sebagai strategi untuk menjatuhkan musuh politik Sutan, namun yang jelas memenuhi dunia fiktif hanya cerita-cerita seks antara Sutan dan Fidah, dan bukannya Fidah dengan Nirwan yang dikatakan menjadi objek utama (strategi seks) yang perlu dijatuhkan. Dalam konteks yang sama jugalah, pemaparan babak seks yang melibatkan Uji dilihat tidak relevan dengan kedudukannya sebagai seorang ustazah yang bermoral tinggi. Mungkin soal seks hanya relevan dalam konteks cerita Dahlia terutamanya apabila novel membangkitkan soal keterdesakan Dahlia yang ingin bersuami, namun sebagai penasihat strategi politik Sutan, kisah kegersangan nafsu seks Dahlia serta babak seks antara Sutan dan Dahlia tetap tidak membantu dalam memperkuatkkan peranan tersebut, dan soal politik secara keseluruhannya. Adalah jelas bahawa kehadiran babak-babak seks Sutan dengan Uji, Dahlia dan Fidah yang sarat memenuhi dunia fiktif novel hanya berfungsi untuk menyemarakkan cerita, dan sekali gus menjadikan persembahannya lebih menarik dan menyeronokkan (sila rujuk semula kenyataan Pitirim A. Sorokin dalam nota kaki: no. 21).

Penemuan-penemuan di atas menarik perhatian terhadap pengakuan Shahnon (seperti dalam Kata Pengantar) tentang ilham beliau menulis *SB*. Seperti yang telah dihujahkan, Shahnon cenderung untuk mendakwa bahawa ilham menulis *SB* tercetus daripada konflik yang bersifat intelektual. Analisis di atas dengan jelas menunjukkan bahawa apa yang mengisi *SB* adalah paparan-paparan yang tercetus daripada konflik cerita. Ini jelas apabila Shahnon didapati mengisi novelnya dengan cerita-cerita tentang konflik protagonis yang bergelut dengan strategi untuk menumpaskan musuh politiknya. Analisis mendapati bahawa pengisian ini dijayakan melalui penggembangan watak sebagai alat penceritaan yang dapat menjana dan merungkaikan konflik yang dibangkitkan. Dan penggembangan watak ini pula menawarkan kesempatan kepada Shahnon untuk menyemarakkan ceritanya dengan unsur-unsur seks dan erotik. Apa yang ingin dihujahkan di sini ialah: hasil penemuan daripada analisis di atas memperlihatkan dengan jelas bahawa novel *SB* dipenuhi dengan penggembangan alat-alat penceritaan yang tercetus daripada konflik yang sebenarnya berlebar pada tahap cerita. Hakikat bahawa novel diakhiri dengan penggembangan konsep *dues ex machina* yang merupakan satu alat penceritaan berkesan yang lazimnya diguna pakai untuk menamatkan dengan mudah sesuatu konflik, dan menjelaskan lagi kesimpulan penting bahawa *SB* secara keseluruhannya adalah digerakkan oleh konflik cerita, dan bukannya konflik intelektual, sebagaimana yang didakwa oleh Shahnon.

Sehubungan itu, dan seperti yang telah dijelaskan dalam bahagian kerangka, sebuah karya intelektual (yang ilham penulisannya tercetus daripada konflik intelektual) pada dasarnya menuntut penulisnya untuk menjana idea/pemikirannya secara intelektual. Dan, seperti yang telah dibincangkan juga, penjanaan idea/pemikiran secara intelektual menuntut kepada *style* penulisan ilmiah yang tidak terlepas daripada tanggungjawab untuk membangunkan hujah melalui analisis dan interpretasi yang mendalam terhadap isi atau fakta yang dikemukakan. Dalam konteks *SB*, Shahnon umpamanya, mungkin boleh meneroka secara mendalam tentang falsafah

atau ideologi politik tertentu, dan berusaha untuk menjawab persoalan-persoalan yang relevan mengenainya. Umpamanya: "Apakah prinsip dan dasar utama falsafah/ideologi politik tersebut?", dan "Apakah persamaan/perbezaan yang memungkinkan sama ada keserasian/pertentangan antara kedua-dua falsafah/ideologi tersebut", atau "Apakah implikasi dan kelebihan sesuatu falsafah/ideologi politik terhadap kemajuan negara?". Sesungguhnya, menawarkan analisis, tafsiran dan rumusan yang dapat meneroka serta merungkaikan persoalan-persoalan seumpama ini, bukanlah sesuatu yang janggal dan keterlaluan dalam sebuah novel yang ilham penulisannya tercetus daripada konflik yang bersifat intelektual.

Seperti yang telah dijelaskan, kehadiran cerita dan penggembalgannya, dalam konteks *style* penulisan seumpama ini hanya menjadi "kenderaan" yang muatannya adalah idea/pemikiran yang dianalisis dan diteroka secara mendalam. Sehubungan itu, pemilihan dan penggembangan alat-alat penceritaan seperti watak, latar, peristiwa dan sebagainya dilakukan berasaskan kerelevanannya terhadap usaha untuk menjana idea/pemikiran, dan bukannya sekadar untuk mengembangkan cerita semata-mata. Adalah jelas daripada analisis ini bahawa *SB* tidak memperlihatkan usaha-usaha yang serius untuk meneroka persoalan politik kontemporari secara kritis dan mendalam. Apa yang dimanifestasikan dalam *SB* hanyalah keghairahan penulisnya untuk menceritakan kisah pergelutan protagonisnya dalam impian politiknya, dan ini dimanifestasi dengan jelas apabila konflik dan watak (bukan idea/pemikiran) menjadi alat utama dalam menggerak dan mengekalkan pergerakan cerita.

Adalah jelas bahawa paparan yang sedemikian hanya berlegar pada tahap cerita, tanpa adanya kecenderungan penulis untuk menganalisis idea/pemikiran politik (seperti yang didakwa Shahnون) secara kritis. Kecenderungan ini, umpamanya paling jelas dalam bab "Dahlia" apabila novel menurunkan beberapa nama konsep dan teori (menurut novel) seperti konsep *power and glory*, konsep *blunt power*, konsep *friends in key positions*, teori *love of pleasure*, teori *naked power* dan sebagainya, tanpa inisiatif untuk menghuraikan secara jelas kesemua konsep/teori yang disebutkan itu. Hal yang sama juga

berlaku dalam bab “Uji” apabila nama beberapa surah dalam Al-Qur'an dan nama pengumpul-pengumpul hadith disebutkan sehingga menjadi tidak lebih sekadar “taburan istilah/nama” (*terms/names dropping*), iaitu satu ciri yang menunjukkan dengan jelas tiadanya kesungguhan dalam melaksanakan tanggungjawab intelektual. Soal tiadanya tanggungjawab intelektual ini diperlihatkan lebih jelas apabila novel memilih untuk mengaitkan konsep, teori, surah Al-Qur'an dan Hadith dengan konotasi, analogi, latar dan aksi watak yang bersifat seksual sehingga (bukan sahaja kelihatan seperti meremehkan konsep/teori dan menghina surah Al-Qur'an yang disebutkan) memekatkan atmosfera erotik dalam novel, yang sekali gus mematikan harapan/jangkaan terhadap kemungkinan-kemungkinan intelektual.

## Penutup

Sesungguhnya, impian Shahnon untuk melahirkan sebuah karya intelektual adalah murni dan patut diberikan perhatian yang serius. Merujuk kepada SB, kesedaran Shahnon untuk meneroka pergolakan dunia politik kontemporari yang dilihatnya semakin menyimpang daripada nilai-nilai Islam dan sejagat (seperti yang dibangkitkan dalam Kata Pengantar novel), juga wajar dihargai. Dengan rasa penghargaan inilah, makalah ini diusahakan dengan harapan supaya impian dan kesedaran yang murni ini dapat direalisasikan dengan jaya. Dengan menjadikan PB sebagai kerangka analisis, makalah ini berhasil dalam mengenal pasti kekuatan (dari segi penggembangan cerita) dan kelemahan (dari segi tanggungjawab intelektual) SB. Dan, perkara yang kedua (kelemahan) ini yang memadamkan antisipasi yang timbul daripada impian/kesedaran Shahnon sebagaimana yang jelas kata pengantarnya. Kegagalan SB dalam merealisasikan impian/kesedaran Shahnon untuk melihatkan SB hadir sebagai sebuah novel intelektual adalah berkait rapat dengan konsep “sastera” yang mendasari penulisan novel ini. Apa yang jelas, pegangan terhadap konsep “sastera” (moden) yang berteraskan fiksyen dan imaginasi bercerita, ternyata tidak

berupaya untuk memungkinkan SB untuk hadir sebagai sebuah novel intelektual. Dalam konteks inilah, seruan PB supaya kesusasteraan Melayu hari ini kembali mendekati semula “taman persuratan” yang telah lama ditinggalkan, wajar sekali kita fikirkan dengan mendalam.

## Rujukan

- Abdul Rani, Mohd. Zariat. 2003. "Islam Sebagai Al-Din: Beberapa Pengamatan Terhadap Pemikiran Syed Muhammad Naquib Al-Attas". *AFKAR* 4: 29-62.
- \_\_\_\_\_. 2004. *Seksualiti dalam Novel Melayu: Satu Analisis Teks Berdasarkan Persuratan Baru*. Tesis Kedoktoran, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 2004. "Kesignifikanan Islam dalam Kesusasteraan Melayu". *MANU* 9: 111-126.
- \_\_\_\_\_. 2005. "Gagasan Persuratan Baru oleh Mohd. Affandi Hassan: Beberapa Pengamatan Umum". *Kumpulan Kertas kerja Kolokium Peradaban Melayu Timur Laut Ke-3*, Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur, Kota Bharu. 23-24 Ogos.
- \_\_\_\_\_. 2005. "Sastera Berpaksikan Tauhid: Satu Penerokaan Terhadap Gagasan Persuratan Baru oleh Mohd. Affandi Hassan - Bahagian I". *Jurnal YADIM* 7: 1-16.
- \_\_\_\_\_. 2006. "Sastera Berpaksikan Tauhid: Satu Penerokaan Terhadap Gagasan Persuratan Baru oleh Mohd. Affandi Hassan - Bahagian II". *Jurnal YADIM* 8: 73-88.
- \_\_\_\_\_. 2007. "Sastera Berpaksikan Tauhid: Satu Penerokaan Terhadap Gagasan Persuratan Baru oleh Mohd. Affandi Hassan - Bahagian III". *Jurnal YADIM* 9: 66-89.

- \_\_\_\_\_. 2007. "Kesusasteraan Melayu sebagai Kesusasteraan Agung Dunia: Satu Pengamatan Terhadap Ma'na 'Kemajuan' Sastera Melayu". Bahan Tidak Terbit, Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia, Serdang, 24 Mei. No. Ruj. PL5130 M697.
- \_\_\_\_\_. 2007. "Ke Mana Hala Tuju Sastera Melayu?". *PEMIKIR* 50 (Oktober-Disember): 1-30.
- \_\_\_\_\_. 2006. "Kehadiran Barat dan Kesannya Terhadap Kesusasteraan Melayu". *Jurnal Pengajian Melayu* 17: 330-361.
- \_\_\_\_\_. 2007. "Islam in the History of Malay Literature: A Preliminary Discussion". *Malay Literature* 20 (No. 1): 34-52.
- \_\_\_\_\_. 2006. "Mahakarya Abad Ke-21: Merenung Kembali Kesusasteraan Melayu Sepanjang Abad Ke-20". Dlm. Mohamad Saleeh Rahamad et al., *Persuratan dan Peradaban Nasional* (hal. 111-148) Kuala Lumpur: Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA).
- Ahmad, Kassim. 1990. "Satira Politik Shahnon". *Dewan Sastera*, April: 87-88.
- Ahmad, Shahnon. 1997. *Sutan Baginda*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asad, Muhammad. 1980. *The Message of the Qur'an*. Gibraltar: Dar Al- Andalus.
- Al-Attas, SMN. 1972. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Attas, SMN. 1978. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Braginsky, V.I. 1993. *The System of Classical Malay Literature*. Leiden: KITLV.

- Dollah, Zulkefle. 1991. "Sutan Baginda Menepati Teori Sastera Islam". Dewan Sastera, Ogos: 89-91.
- Hassan, Mohd. Affandi. 1992. *Pendidikan Estetika daripada Pendekatan Tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. 1994. *Medan-medan dalam Sistem Persuratan Melayu*. Kota Bharu: Penerbit Tiga Putri.
- \_\_\_\_\_. 1994. "Mengapa Saya Menulis Aligupit". *Dewan Masyarakat* September: 11-12.
- \_\_\_\_\_. 1994. "Pemikiran dan Pendekatan dalam Kesusasteraan Melayu Moden". Dlm. *Kesusasteraan Melayu: Mitos dan Realiti (Esei/Kritikan Hadiah Sastera Malaysia 1988/1989)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. 1999. "Persuratan Baru dan Cabaran Intelektual: Menilai Kembali Kegiatan Kreatif dan Kritikan". Kertas kerja Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 6-8 Disember.
- \_\_\_\_\_. 2003. "Dari Danau Ke Taman: Sajak-sajak Muhammad Hj. Salleh dan Wan Mohd. Nor". Kertas kerja Majlis Bicara Buku *Mutiara Taman Adabi* karya Prof. Dr. Wan Mohd. Nor Wan Daud dari ISTAC; Balai Seminar, Dewan Bahasa dan Pustaka, Wilayah Timur, Kota Bharu. 21 September.
- \_\_\_\_\_. 2003. "Unsur Jenaka dalam Novel *Kawin-Kawin*: Kegagalan Intelektual Seorang Sasterawan". Kertas kerja Seminar Jenaka Melayu Nusantara, Dewan Bahasa dan Pustaka & Universiti Malaya. 21-23 September.
- \_\_\_\_\_. 2004. "Birokrat Tulen: Satu Analisis Kreatif dari Sudut Persuratan Baru". Dlm. Lampiran A, Tesis Kedoktoran Mohd. Zariat Abdul Rani, "Seksualiti dalam Novel Melayu: Satu Analisis Teks Berdasarkan Persuratan Baru". Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

- \_\_\_\_\_. 2004. "Kesusasteraan Melayu di Persimpangan Jalan: Anti-Intelektualisme, Hasad, Pandirisme". Kertas kerja Wacana Ilmiah Dunia Melayu dan Islam (DAMAI), Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 21 Disember.
- \_\_\_\_\_. 2005. "Keaiban Intelektual Para Sasterawan: Menghidupkan Kembali Persuratan Melayu". Dlm. A. Aziz Deraman (pynt.). *Kumpulan Kertas kerja Kolokium Peradaban Melayu Kawasan Timur Laut Ke-3* (hal. 209-230) Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur, Kota Bharu, 23-24 Ogos.
- \_\_\_\_\_. 2006. "Hadiah dan Anugerah Sastera Sastera di Malaysia: Satu Penilaian Kritis". Kertas kerja Seminar Impak Anugerah dan Hadiah Sastera Ke Atas Perkembangan Sastera Kebangsaan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 25 Mei.
- <http://www.aku.edu/ISMC/>
- [http://www.aku.edu/ISMC/abp-f.shtml.](http://www.aku.edu/ISMC/abp-f.shtml)
- Mohd Tahir, Ungku Maimunah. 1999. "Persuratan Baru oleh Mohd. Affandi Hassan: Satu Sambutan Awal". Kertas kerja Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 6-8 Disember.
- \_\_\_\_\_. 2003. "*Lorong Midaq* oleh Naquib Mahfouz; Satu Penilaian Menurut Gagasan "Persuratan Baru" janaan Mohd. Affandi Hassan". Kertas kerjas Majlis "Diskusi Buku", anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, di Menara DBP, Kuala Lumpur. 26 April.
- \_\_\_\_\_. 2003. "Mohd. Affandi Hassan's Notion of *Persuratan Baru* (Genuine Literature): A Preliminary Exploration". Dlm. *Readings in Modern Malay Literature*. Hlm. 242-256. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ooi Eng Lye. 2005. *Novel-novel Terpilih Shahnon Ahmad: Satu Kajian Pendekatan Gender*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Othman, Hizairi. 2000. *Kreativiti dalam Penciptaan Karya Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shah Wali Allah Al-Delhi. 1996. *Hujjah Allah Al-Baligha: The Conclusive Argument from God*. Terj. Marcia K. Hermansen. Leiden: E.J. Brill.

Sorokin, P.A. 1941. *The Crisis of Our Age: The Social and Cultural Outlook*. New York: E.P. Dutton.

Tahir, Abdullah. 1995. "Novel-novel Mohd. Affandi Hassan: Meneliti Kemungkinan Penerapan Konsep Persuratan Baru Melayu". Kertas kerja Kongres Bahasa Melayu Sedunia, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Hotel Hilton, Kuala Lumpur. 21-25 Ogos.

Wan Daud, Wan Mohd. Nor. 1989. *The Concept of Knowledge in Islam and its Implications for Education in a Developing Country*. London: Mansell.

\_\_\_\_\_. 1997. *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.